

12 OCT 1997

MAJLIS BELIA PERLIS MENYOKONG PENUH DR MAHATHIR

KANGAR, 12 Okt (Bernama) -- Majlis Belia Negeri Perlis yang dianggotai 13 badan gabungan hari ini menyatakan sokongan penuh terhadap usaha-usaha yang dilakukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani kemerosotan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham negara.

Setiausaha majlis itu Hamdan Bahari berkata bagi merealisasikan sokongan itu, majlis berkenaan akan mengadakan program penerangan kepada anggota-anggota badan gabungannya mengenai perjuangan Perdana Menteri itu secepat mungkin.

Langkah itu perlu bagi memastikan 48,000 anggota badan-badan gabungan bebas daripada pengaruh luar yang sengaja memburukkan Dr Mahathir, katanya kepada Bernama.

Hamdan berkata Perdana Menteri tidak seharusnya dibiarkan bersendirian dalam menghadapi tekanan luar sebaliknya setiap rakyat perlu menanganinya secara bersama.

Majlis tidak mahu ada pihak di negara ini yang turut menentang usaha Perdana Menteri dalam memulihkan kedudukan kewangan dan ekonomi negara semata-mata atas kepentingan atau dendam peribadi, katanya. -- BERNAMA

RIS AD RON